



**UNIVERSITI
MALAYA**
KUALA LUMPUR
Producing Leaders Since 1905

**KOD AMALAN
UNTUK MENCEGAH
DAN MENGENDALIKAN
KES GANGGUAN SEKSUAL
DI UNIVERSITI MALAYA**

Biro Aduan Gangguan Seksual Universiti Malaya
No Tel: 03-79673598
Email: bags@um.edu.my

Universiti Malaya
2008

KANDUNGAN

Penerbitan Pertama 2007
Cetakan Kedua 2008

1. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual di Universiti Malaya	6
2. Polisi Universiti Malaya Mengenai Gangguan Seksual	6
2.1. Rasional	6
2.2. Pernyataan Polisi	8
3. Skop Kod Amalan	8
3.1. Kumpulan Sasaran	8
3.2. Perhubungan Staf Akademik Dengan Pelajar	9
3.3. Perhubungan Penyelia dengan Pekerja	9
3.4. Perhubungan Sesama Rakan Sekerja/Sekumpulan	10
3.5. Perhubungan Ahli Komuniti Universiti dengan Pihak Luar	10
4. Pengertian Gangguan Seksual	10
4.1. Takrif Gangguan Seksual	10
4.2. Kategori Gangguan Seksual	11
4.3. Bentuk-Bentuk Gangguan Seksual	12
4.4. Serangan Seksual	14
5. Biro Aduan Gangguan Seksual Universiti Malaya (BAGS)	15
6. Prosedur Penyelesaian Aduan	15
6.1. Prosedur Aduan	16
6.2. Tindakan Tatatertib	17
6.3. Langkah-langkah Perlindungan	18
7. Program Meningkatkan Kesedaran dan Pendidikan	19
8. Sumber-sumber Maklumat dan Pertolongan	20
9. Glosari	21
10. Rujukan	22
Lampiran	
A Carta Alir Urusan Menangani Gangguan Seksual di UM	
B Borang Aduan Rasmi Gangguan Seksual	
C1 Persetujuan Penyelesaian	
C2 Persetujuan Penyelesaian	

PENGHARGAAN

Teks Kod Amalan ini telah digubal buat pertama kalinya oleh Jawatankuasa Menangani Gangguan Seksual Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) yang terdiri daripada:

Profesor Madya Dr. Junedah Sanusi
Cik Lai Suat Yan
Profesor Madya Dr. Durriyyah Sharifah Hassan Adli
Puan Noor Bathi Badarudin

dan kemudiannya telah diperhalusi dan diperbaiki oleh Jawatankuasa Khas Gangguan Seksual Universiti Malaya dan beberapa ahli jemputan yang terdiri daripada:

Profesor Madya Dr. Junedah Sanusi (Pengerusi)
Profesor Madya Dr. Rohani Mohd Yusof
Profesor Madya Rosli Mahat
Dr. Dang Siew Ing
Encik Johan Samsuddin Sabaruddin
Puan Halimaton Attan
Puan Khalidah Adibah Hassan
Encik Mat Ali Omar
Puan Nor Aishah Samah
Puan Hazlina Kasmin
Puan Rafiza Hashim
Puan Zarina Zainol Abidin
Saudari Sri Sharinnie Rizal
Cik Maimuna Hamid Merican
Puan Salwati Mohd Aris

Deraf akhir teks Kod Amalan untuk Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual di Universiti Malaya ini telah diluluskan oleh pihak Pengurusan Universiti Malaya dalam mesyuaratnya pada 19 hb June 2007.

KATA-KATA ALUAN


NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja telah diterbitkan oleh Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1999 selaras dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan persekitaran kerja atau suasana pembelajaran yang lebih sihat dan efektif dalam usaha meningkatkan prestasi kerja setiap individu dalam semua sektor dan organisasi.

Bagi memberi sokongan kepada usaha kerajaan, Universiti Malaya telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan Kod Amalan untuk Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual di Universiti Malaya bagi menyuntik dan meningkatkan pengetahuan, kefahaman, penghayatan, kepekaan serta kesedaran berkenaan gangguan seksual, dan juga untuk mencegah gangguan seksual di kalangan pekerja dan pelajar. Usaha murni ini diharap akan dapat mewujudkan dan mempertingkatkan keharmonian sosial dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat di antara semua warga Universiti Malaya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Khas Gangguan Seksual Universiti Malaya yang telah berjaya menghasilkan Kod Amalan ini. Juga kepada pihak Pengurusan dan warga Universiti Malaya kerana telah sama-sama menyokong usaha murni ini.



DATUK RAFIAH SALIM
Naib Canselor

1. KOD AMALAN UNTUK MENCEGAH DAN MENGENDALIKAN KES GANGGUAN SEKSUAL DI UNIVERSITI MALAYA

Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (OSHA), pihak majikan bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran sihat dan selamat bagi pekerja-pekerjanya menjalankan tugas seharian. Ini termasuklah hal-hal yang berkaitan kesihatan dan keselamatan fizikal serta mental. Menurut kajian yang dilakukan oleh Universiti Utara Malaysia pada 1999, seramai 43% lelaki dan 53% wanita menghadapi gangguan seksual di tempat kerja (1). Walau bagaimanapun terdapat hanya 110 sahaja aduan yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia di antara tahun 1997-1999. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar dan pada mereka yang diganggu tidak mengadukan perkara ini kepada pihak yang berkuasa. Walaupun aduan yang diterima secara rasmi di Universiti Malaya setakat ini adalah rendah, namun terdapat kemungkinan berlakunya kejadian gangguan seksual. Gangguan seksual boleh menjejaskan produktiviti dan kecemerlangan Universiti Malaya. Cara yang paling berkesan untuk menangani masalah ini adalah dengan mempertingkatkan kesedaran dan mengendalikannya di tempat kejadian sebelum menjadi satu masalah besar. Pengalaman di tempat-tempat yang telah menjalankan program anti-gangguan seksual menunjukkan bahawa pendekatan yang berjaya untuk menangani masalah gangguan seksual adalah dengan adanya kaedah atau mekanisme dalaman untuk menyelesaikan pengaduan. Kod Amalan Untuk Mencegah dan Mengendalikan Kes Gangguan Seksual di Universiti Malaya ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian Sumber Manusia, mengikut Kod Amalan Untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja yang diterbitkan pada 1999 (2) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 22, Tahun 2005 mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja dalam Perkhidmatan Awam (3).

2. POLISI UNIVERSITI MALAYA MENGENAI GANGGUAN SEKSUAL

2.1 RASIONAL

Universiti Malaya (UM) bertekad untuk menyediakan persekitaran pembelajaran dan pekerjaan yang sihat dan selamat, bebas daripada sebarang perbuatan diskriminasi atau keganasan. Gangguan seksual dalam sebarang bentuk adalah bertentangan dengan hasrat UM dan semua warga UM dilarang keras melakukannya. Gangguan seksual yang juga merupakan satu bentuk diskriminasi seksual bercanggah dengan nilai dan

visi UM serta menggugat kerjaya, pengalaman pembelajaran dan kesejahteraan pelajar serta staf UM.

Gangguan seksual berlaku tanpa mengambil kira jawatan atau kedudukan seseorang. Walau bagaimanapun, apabila gangguan ini berlaku di antara pengajar dan pelajar atau di antara penyelia dan pekerja, maka kesalahan ini adalah lebih berat kerana melibatkan penyalahgunaan kuasa di kalangan ahli akademik dan individu terpilih yang diamanahkan untuk memimpin.

Polisi ini juga menegaskan komitmen UM untuk mempertingkatkan kefahaman melalui program meningkatkan kesedaran dan pendidikan seperti pada Perkara 7, memberi khidmat kaunseling dan melatih warga UM berkenaan gangguan seksual, kesannya ke atas individu dan komuniti UM serta langkah-langkah untuk mengatasinya.

Polisi ini juga merupakan tambahan kepada Bahagian 5.1, perkara [1] dan [2] Kod Etika Akademik UM (4). Oleh itu perbuatan melanggar polisi ini juga akan melanggar Kod Etika Akademik Universiti Malaya. Di samping disabit kesalahan melakukan gangguan seksual dan tindakan yang akan dikenakan oleh pihak UM, seseorang itu boleh juga didakwa mengikut Seksyen 354, 355, 376(2)(f) dan 509 Kanun Keseksaan. Seksyen 509 menyatakan bahawa: *barang siapa dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seseorang, menyebut apa-apa perkataan, membuat apa-apa bunyi atau isyarat, atau menunjukkan apa-apa benda, dengan maksud supaya perkataan atau bunyi itu didengar, atau supaya isyarat atau benda itu dilihat oleh seseorang itu, atau mengganggu kesantunan seseorang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.* Seksyen 354 menyatakan bahawa: *barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud hendak mencabul atau dengan mengetahui mungkin bahawa ia akan dengan jalan demikian itu mencabul kehormatan orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun, atau dengan denda, atau dengan sebat, atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.* Seksyen 355 pula menyatakan bahawa: *barang siapa menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah kepada mana-mana orang, dengan maksud dengan jalan demikian itu hendak menjatuhkan kehormatan orang itu, kecuali atas bangkitan-marah yang besar dan mengejut yang didatangkan oleh orang itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.* Seksyen 376(2)(f) menyatakan: *dengan kerelaannya, apabila kebenaran diperolehi dengan menggunakan kedudukannya terhadap perempuan itu atau kerana hubungan professional atau hubungan amanah lain yang berhubung dengannya.*

Gangguan seksual adalah salah satu bentuk diskriminasi berasaskan gender. Mengikut Perlembagaan Persekutuan di bawah sekyen 8(2) tentang hak sama rata, diskriminasi berasaskan gender adalah dilarang sama sekali. Ini juga adalah selari dengan Konvensyen Antarabangsa iaitu Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) 1979 yang telah ditandatangani oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1995.

2.2 PERNYATAAN POLISI

- 2.2.1 Gangguan seksual seperti pada Perkara 4 merupakan satu salah laku yang tidak boleh ditoleransi dalam sebarang konteks sama ada antara staf dan pelajar, sesama staf, sesama pekerja, sesama pelajar, penyelia dan pckerja atau hubungan-hubungan lain.
- 2.2.2 UM bertekad untuk menyediakan persekitaran yang menyokong pembelajaran (nurturing) yang bebas daripada gangguan seksual. Semua warga UM adalah bertanggungjawab untuk memastikan warga UM bebas daripada sebarang bentuk gangguan seksual.
- 2.2.3 Gangguan seksual merupakan satu perlakuan salah laku yang dipandang serius dan boleh dikenakan tindakan sewajarnya mengikut prosedur penyelesaian pengaduan seperti pada Perkara 6.
- 2.2.4 Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dikehendaki mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk meningkatkan kefahaman mengenai gangguan seksual melalui program kesedaran dan pendidikan yang diadakan.
- 2.2.5 Aduan gangguan seksual akan ditangani secara sulit dan rahsia. Sebarang bentuk tindakan yang tidak sewajarnya terhadap warga UM yang menggunakan hak-haknya untuk membuat pengaduan adalah dilarang dan boleh dikenakan tindakan.

3. SKOP KOD AMALAN

3.1 KUMPULAN SASARAN

Kod Amalan ini adalah terpakai dan dikuatkuasakan ke atas seluruh warga UM dan pihak luar yang berurusan dengan UM yang merangkumi perhubungan berikut:

- Staf dengan pelajar
- Sesama pelajar
- Sesama staf
- Ketua dengan staf bawahan
- Staf/pelajar dengan pihak luar

3.2. HUBUNGAN STAF DENGAN PELAJAR

- 3.2.1 Seseorang ahli akademik tidak dibenarkan membuat pernyataan berunsur seksual, memaksa keluar untuk temu janji atau hubungan seksual, atau melakukan sebarang perbuatan berunsur seksual terhadap seseorang pelajar.
- 3.2.2 Sebarang hubungan atau perbuatan romantik atau seksual tidak dibenarkan sama sekali apabila seseorang pelajar itu merupakan pelajar kepada seseorang staf akademik, apabila:
 - Pelajar itu mendaftar untuk mengikuti kursus yang diajar oleh staf akademik tersebut dan gred akhirnya belum diterima.
 - Staf akademik tersebut merupakan penasihat akademik atau penyelia kepada pelajar, atau merupakan ahli jawatankuasa bagi tesis atau disertasi pelajar berkenaan.
 - Kegiatan pelajar tersebut dinilai atau diselia oleh staf akademik berkenaan (contohnya: pengetua/penyelia asrama, penasihat persatuan/kelab yang dianggotai pelajar dan sebagainya).
- 3.2.3 Sekiranya terdapat hubungan yang tidak jelas di antara seseorang pelajar dan seseorang staf akademik yang mungkin boleh memberi kesan ke atas penilaian akademik atau peluang kerjaya kepada pelajar tersebut secara tidak langsung, prinsip etika akademik masih perlu diikuti.
- 3.2.4 Prinsip-prinsip Article 3.2 di atas digunakan kepada perhubungan di antara staf pengurusan atau sokongan dengan pelajar.

3.3 PERHUBUNGAN PENYELIA DENGAN PEKERJA

Ahli komuniti seperti Perkara 3.1 adalah seperti berikut:

- 3.3.1 Mempunyai kuasa untuk menentukan ganjaran atau sekatan ke atas seseorang yang lain.
- 3.3.2 Menilai prestasi kerja seseorang yang lain.
- 3.3.3 Menyelia pembahagian kerja seseorang yang lain.

Oleh itu, seseorang adalah dilarang melakukan pernyataan atau perbuatan berunsur seksual terhadap mereka yang di bawah bidang kuasa ahli komuniti tersebut. Contoh perhubungan ini adalah seperti penyelia atau pegawai atasan dengan perkerja di bawah seliaannya, ketua kumpulan dengan ahli kumpulan di bawahnya, pegawai dengan ahli kokurikulumnya atau sebagainya.

3.4 PERHUBUNGAN SESAMA RAKAN SEKERJA/ SEKUMPULAN

- 3.4.1 Ahli akademik dengan ahli akademik
- 3.4.2 Pelajar dengan pelajar
- 3.4.3 Pekerja Universiti dengan Pekerja Universiti

3.5 PERHUBUNGAN AHLI KOMUNITI UNIVERSITI DENGAN PIHAK LUAR

Pihak luar yang berurusan dengan warga UM adalah seperti:

- 3.5.1 Pelawat universiti
- 3.5.2 Pengguna kemudahan universiti
- 3.5.3 Syarikat pembekal
- 3.5.4 Pekerja pembinaan
- 3.5.5 Lain-lain

4. PENGERTIAN GANGGUAN SEKSUAL

Tanggapan seseorang terhadap perbuatan tertentu mungkin berbeza. Oleh itu kita perlu berhati-hati. Sesuatu yang dianggap sebagai gurauan boleh ditanggap sebagai gangguan seksual. Kadangkala seseorang itu tidak menerima bahawa perlakuannya adalah salah dan beranggapan bahawa mereka yang di sekelilingnya pula sudah biasa dengan perangainya yang suka 'bergurau'. Jika seseorang telah berkata atau menunjukkan dengan jelas bahawa dia tidak senang dengan sesuatu perbuatan, pendiriannya perlu dihormati. Oleh itu, pentakrifan gangguan seksual yang jelas merupakan komponen penting dalam keberkesanan mekanisme dalaman untuk mencegah dan mengendalikan kes gangguan seksual. Pentakrifan terperinci adalah perlu agar semua warga UM jelas berkenaan perbuatan-perbuatan yang boleh ditanggap sebagai gangguan seksual.

4.1 TAKRIF GANGGUAN SEKSUAL

Apa yang dimaksudkan dengan gangguan seksual? Gangguan seksual adalah sebarang bentuk perhatian seksual, baik yang

diucapkan atau perbuatan bersifat seksual yang disengajakan atau berulang-ulang yang membawa kesan gangguan emosi, psikologi atau fizikal, yang tidak diundang, atau tidak disenangi, termasuklah:

- 4.1.1 Penerimaan atau persetujuan kepada perbuatan tersebut dinyatakan secara tersurat atau tersirat sebagai satu syarat mengenai kedudukan atau peluang pekerjaan atau penerimaan dalam satu-satu kursus, program atau aktiviti-aktiviti lain.
- 4.1.2 Penerimaan atau penolakan perbuatan tersebut digunakan sebagai asas untuk sebarang keputusan mengenai pekerjaan atau pendidikan seseorang.
- 4.1.3 Perbuatan tersebut menyebabkan atau bertujuan menghasilkan gangguan kepada pekerjaan, prestasi pendidikan atau status seseorang.
- 4.1.4 Perbuatan tersebut menyebabkan atau bertujuan menghasilkan satu persekitaran yang penuh tekanan, ancaman atau permusuhan.

4.2 KATEGORI GANGGUAN SEKSUAL

Gangguan seksual meninggalkan kesan yang tertentu. Oleh yang demikian gangguan seksual boleh dikategorikan kepada:

4.2.1 Ugutan Seksual (*Sexual Coercion*)

Ugutan seksual ialah gangguan seksual yang ditanggap oleh seseorang sebagai menjadi syarat bersifat seksual ke atas pekerjaannya atau pembelajarannya atau faedah berkenaan pekerjaannya (*quid pro quo*). Gangguan ini mempunyai kesan langsung kepada kedudukan seseorang staf, status pekerjaan seseorang staf atau prestasi akademik seseorang pelajar atau membawa kepada keuntungan atau kerugian faedah pekerjaan yang nyata seperti pelantikan ke jawatan tertentu, kenaikan pangkat yang sukar ditolak, sokongan untuk mendapat anugerah cemerlang atau anjakan gaji, peluang atau sokongan untuk menghadiri seminar ke luar negeri, sokongan serta kelulusan permohonan bantuan kewangan, cuti dan sebagainya. Contoh ugutan seksual adalah apabila seseorang Ketua menggunakan kuasanya mengenai kenaikan pangkat anak buahnya dengan memaksanya untuk membuat hubungan seksual. Jika diikuti, dapatlah kenaikan pangkat dan gaji yang lebih tinggi. Sebaliknya jika tidak diikuti, hilanglah peluang kenaikan pangkat tersebut. Bagi pihak pelajar pula, kemungkinan terdapat tekanan untuk menerima amalan 'seks untuk gred yang baik'.

4.2.2 Pengacauan Seksual (*Sexual Annoyance*)

Pengacauan seksual ialah perlakuan seksual yang dianggap menghina atau memalukan, mengancam keselamatan peribadi dan tidak disenangi kepada yang diganggu, tetapi tidak mempunyai kaitan langsung dengan peluang pekerjaan atau faedah pekerjaan seseorang. Walau bagaimanapun, perlakuan yang mengganggu itu menghasilkan persekitaran pekerjaan yang tidak tenteram, tidak sihat dan tidak selamat. Keadaan ini terpaksa dihadapi oleh yang diganggu jika dia masih berterusan bekerja di situ. Contoh pengacauan seksual ini adalah ajakan untuk bermesra di antara sesama pekerja yang telah ditolak dengan jelas oleh yang diganggu. Kejadian seperti seorang agen syarikat pembekal yang diganggu oleh seorang staf, adalah termasuk dalam kategori ini. Walau bagaimanapun apabila staf tersebut mengancam untuk memburukkan nama agen berkenaan kepada pengurus syarikat jika dia tidak menerima gangguan itu, kejadian ini termasuk dalam kategori ugutan seksual.

4.3. BENTUK-BENTUK GANGGUAN SEKSUAL

Gangguan seksual boleh dilakukan oleh seseorang individu atas kapasiti peribadinya atau juga atas kapasiti aktiviti kumpulan. Gangguan seksual terdapat dalam pelbagai bentuk seperti berikut:

4.3.1 Gangguan Secara Lisan

Bentuk gangguan ini dapat dilihat dalam penggunaan bahasa lucah melalui perbualan, bercerita, berjenaka, membuat bunyi-bunyian, memberi kritikan, komen, pujian atau mengajukan soalan berunsur seksual ke atas penampilan, pakaian, tingkah laku, tubuh badan atau aktiviti seksual yang dinyatakan secara terang-terangan atau terselindung (berkias) sehingga seseorang berasa tersinggung, terhina, terugut atau terganggu untuk berurusan dengan staf/pelajar berkenaan. Contoh:

- Pernyataan, komen, usikan tentang rupa paras atau tubuh badan wanita, memberi komen tentang saiz buah dada atau punggungnya.
- Permintaan, cadangan untuk hubungan atau layanan seksual.
- Mengajak keluar secara berduaan walaupun telah ditolak berulang kali.

- Perbualan dan keadaan yang biasa bertukar menjadi kurang selesa dan memalukan hanya dengan menyelitkan perkataan, komen, kiasan dan lawak jenaka yang berunsur seksual. Contohnya, bila seorang wanita sedang berbincang tentang gaji dengan rakan sekerja lelaki atau rakan sejawatnya, mungkin rakan tersebut mengatakan "Gosok dulu, baru dapat kenaikan."

4.3.2 Gangguan Bukan Lisan (Secara Isyarat)

Bentuk gangguan ini dipamerkan melalui sikap atau perlakuan seseorang staf/pelajar yang memberi maksud atau gambaran keinginan yang berunsur seksual. Contoh:

- Merenung, menjeling atau memandang dengan tidak sopan yang tertumpu pada bahagian-bahagian tubuh seperti buah dada atau punggung.
- Perbuatan seperti menjilat bibir, memegang atau memakan makanan dengan cara 'bermakna' atau berunsur seksual.
- Isyarat tangan atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks.
- Mengorot secara berisyarat yang berterusan, contohnya mengenyit mata.

4.3.3 Gangguan Secara Visual

Pelakuan menghantar nota, surat, mel elektronik (*e-mel*), *short messaging system* (SMS), *multimedia messaging system* (MMS), gambar (foto), poster, objek atau bahan bacaan yang berunsur seksual melalui penggunaan sebarang bentuk peralatan media, peralatan elektronik atau peralatan komunikasi kepada pengadu yang menyebabkan pengadu berasa tersinggung, terhina atau terugut. Contoh:

- Menunjukkan alat kelaminnya (*flasher*).
- Menunjuk, mempamer atau mengedar gambar/lakaran/bahan-bahan berunsur lucah.
- Menghantar, mengirim surat/nota bertulis yang berunsur seksual.

4.3.4 Gangguan Psikologi

Perbuatan cuba merapati secara seksual, mendorong, mendesak, mengugut atau memujuk rayu bagi memenuhi keinginan seksual pengganggu sama ada melalui surat, telefon, e-mel atau sebarang bentuk peralatan komunikasi

kepada pengadu sehingga menimbulkan tekanan emosi dan mental ke atas pengadu. Contoh:

- Jemputan sosial yang tidak diingini yang berulang-ulang.
- Ajakan, rayuan berterusan untuk temu janji atau kegiatan berunsur seksual.
- Gangguan berunsur seksual yang menghasilkan ketakutan mental.

4.3.5 Gangguan Fizikal

Gangguan seksual berbentuk sentuhan fizikal yang berunsur seksual seperti mendekati orang lain dalam jarak yang terlalu dekat sehingga orang tersebut berasa kurang selesa, memegang, menggesel, mengeletek, memeluk, menepuk, mengusap, menggosok, mencubit, memicit, mencium, meraba atau sebarang bentuk sentuhan lain yang berunsur seksual yang tidak diingini sehingga menyebabkan pengadu berasa tersinggung, terhina atau tergut. Contoh:

- Bos yang memberikan pelukan yang membolehkannya menyentuh payu dara atau punggung.
- Pensyarah yang dengan sengaja berada terlalu hampir dengan pelajar dengan alasan menyemak tugasan pelajar atau sebalikinya.
- Mereka yang sentiasa menyentuh rakan dengan cara yang tidak menyenangkan semasa berurusan.

4.4 SERANGAN SEKSUAL

Perlakuan, ugutan atau cubaan, untuk menyentuh bahagian sulit seseorang yang lain; perlakuan untuk memaksa seseorang untuk membuat hubungan seks; menanggalkan pakaian seseorang dengan tiada sebab munasabah adalah tergolong dalam perbuatan serangan seksual. Walau bagaimanapun, perlakuan serangan seksual seperti tertera di sini adalah tidak terhad kepada perlakuan yang dinyatakan sahaja. Pesalah serangan seksual boleh diambil tindakan mengikut Seksyen 354, Seksyen 355 atau Seksyen 509 Kanun Keseksaan, seperti pada Perkara 2.1 Kod Amalan ini. Rogol juga termasuk dalam kategori serangan seksual dan kes ini boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 376 (2)(f) Kanun Keseksaan, seperti pada Perkara 2.1 Kod Amalan ini.

5. BIRO ADUAN GANGGUAN SEKSUAL UNIVERSITI MALAYA (BAGS)

5.1 Biro Aduan Gangguan Seksual Universiti Malaya (BAGS) ditubuhkan khusus untuk menangani aduan mengenai gangguan seksual di UM. Pada masa ini BAGS ditempatkan di Bahagian Pembangunan Organisasi & Pentadbiran (BPOP) yang juga bertindak sebagai urusetia BAGS. Keahlian BAGS terdiri daripada:

- Wakil Pengurusan (Pengerusi)
- Wakil PKAUM
- Wakil KKAUM
- Seorang Pakar Undang-undang
- Seorang Kaunselor
- Wakil Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- Wakil Bahagian Sumber Manusia
- Wakil Pejabat Keselamatan
- BPOP (Urusetia)

Ahli BAGS dilantik oleh Naib Canselor. Ahli botch diko-op apabila perlu untuk mengganti ahli tetap bagi kes-kes tertentu.

5.2 Terma Rujukan BAGS adalah:

- Menerima dan menyimpan rekod aduan gangguan seksual.
- Membentuk jawatankuasa kecil yang bertanggungjawab khusus bagi kes tertentu.
- Menjalankan siasatan mengenai aduan yang diterima.
- Mengambil tindakan susulan bagi menyelesaikan aduan.
- Merujuk kes kepada Jawatankuasa Tatatertib (staf/pelajar) jika perlu.
- Menyediakan laporan tahunan untuk dimajukan kepada pihak Pengurusan Universiti.

6. PROSEDUR PENYELESAIAN ADUAN

Sebarang kejadian gangguan seksual yang berlaku hendaklah diadukan kepada BAGS. Komposisi ahli BAGS perlu seimbang dari segi gender. BAGS akan mengendalikan setiap aduan yang diterima berdasarkan proses carta alir di Lampiran A. Sebaik mungkin, aduan yang dilaporkan hendaklah disiasat dan diselesaikan dalam masa tidak melebihi tiga (3) bulan setelah aduan rasmi diterima. Siasatan hendaklah dijalankan oleh tiga orang ahli BAGS yang sama sehingga kes selesai. Setiap kes perlu ditangani secara sulit dan penglibatan pihak lain adalah berdasarkan keperluan sahaja.

6.1 PROSEDUR ADUAN

6.1.1 Aduan Rasmi

Aduan hendaklah dibuat dengan mengisi borang Aduan Rasmi Gangguan Seksual (seperti Lampiran B) yang boleh didapati dari setiap PTJ atau dimuat turun dari laman Web UM.

Bagi bentuk-bentuk gangguan seksual yang melanggar undang-undang negara seperti mencabul kehormatan, mencederakan dan merogol (Perkara 2.1 dan 4.4), pengadu juga boleh membuat laporan kepada pihak polis.

6.1.2 Aduan Tidak Rasmi

Aduan yang tidak dibuat melalui Borang Aduan Gangguan Seksual masih boleh dilayan oleh BAGS untuk melegakan pengadu daripada masalah gangguan seksual yang dihadapi. Pengadu akan dinasihatkan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Walaupun pengaduan sebegini tidak akan diikuti oleh penyiasatan atau tindakan lanjut secara rasmi yang melibatkan Pihak Yang Dituduh Mengganggu (PYDM), pihak BAGS akan memantau keadaan. Misalnya pihak BAGS akan memastikan sama ada PYDM pernah terlibat dalam gangguan seksual sebelum ini atau sebaliknya.

6.1.3 Penyiasatan

BAGS akan menjalankan penyiasatan untuk mendapatkan maklumat penting seperti berikut:

1. Keterangan tentang rentetan kejadian.
2. Pihak-pihak yang terlibat.
3. Waktu berlaku kejadian.
4. Adakah kejadian ini berlaku buat pertama kali atau pernah berlaku sebelumnya?
5. Saksi yang sanggup memberi keterangan.
6. Adakah mangsa telah melaporkan kejadian kepada orang lain?
7. Adakah terdapat bukti fizikal atau sebarang bukti bertulis/dokumentasi mengenai insiden? Walaubagaimanapun kelewatan membuat laporan atau aduan ataupun kekurangan bukti fizikal tidak harus mempengaruhi penyiasatan BAGS atau tidak harus digunakan terhadap mangsa (*should not be held against the complainant*).

BAGS perlu mendapatkan bukti di samping menerima aduan. BAGS mempunyai kuasa untuk mendapatkan bukti secara lisan ataupun bertulis dan memanggil saksi-saksi yang berkenaan. BAGS boleh menyoal-siasat individu yang mengadu, yang tertuduh dan sesiapa sahaja yang dapat membantu BAGS di dalam menjalankan penyiasatannya. BAGS juga perlu memastikan samada gangguan seksual tersebut telah dilakukan secara individu atau perlakuan/amalan yang merupakan budaya sesuatu kumpulan/persatuan.

6.1.4 Peluang Memberikan Keterangan oleh PYDM

PYDM hendaklah dimaklumkan identiti pengadu yang membuat aduan, sama ada perlakuan yang diadukan berlaku terhadap seorang individu atau dilakukan di khalayak ramai. PYDM hendaklah diberikan peluang yang adil untuk memberikan keterangan dan memperjelaskan rentetan kejadian, memberikan pandangannya terhadap kejadian dan mempertahankan dirinya.

6.1.5 Keputusan Penyiasatan

Terdapat beberapa kemungkinan dapatan hasil penyiasatan oleh BAGS seperti berikut:

- Bahawa tuduhan adalah tidak berasas.
- Penyelesaian tanpa tindakan rasmi diambil terhadap PYDM yang dipersetujui oleh pengadu (Lampiran C1).
- Penyelesaian tanpa tindakan rasmi diambil terhadap pengadu yang dipersetujui oleh PYDM (Lampiran C2).
- Bahawa terdapat asas untuk dipercayai bahawa perlakuan gangguan seksual telah berlaku.

BAGS akan memaklumkan secara bertulis kepada kedua-dua pihak yang terlibat tentang keputusan penyiasatan serta mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan selanjutnya sekiranya BAGS mendapati pelanggaran salah laku telah berlaku.

6.2 TINDAKAN TATATERTIB

Gangguan seksual adalah perlakuan salah laku yang boleh dikenakan tindakan tatatertib. Sekiranya hasil siasatan BAGS mendapati bahawa wujudnya unsur salah laku oleh PYDM, BAGS boleh merujuk kes berkenaan kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Sekiranya PYDM didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib, PYDM boleh dikenakan hukuman seperti berikut:

6.2.1 Sekiranya PYDM adalah staf:

- Amaran
- Denda
- Lucut Hak Emolumen
- Tangguh Pergerakan gaji
- Turun Gaji
- Turun Pangkat; atau
- Buang Kerja

6.2.2 Sekiranya PYDM adalah pelajar:

- Amaran
- Denda
- Pengeksklusion dari mana-mana kawasan kampus UM
- Digantung dari pengajian di UM; atau
- Disingkir dari pengajian di UM

6.2.3 Sekiranya PYDM merupakan pihak luar:

- Dihalang daripada berurusan dengan ahli komuniti UM
- Dihalang daripada memasuki mana-mana bahagian kampus UM

6.3 LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN

Bagi mereka yang terbukti diganggu, atau terbukti disalah tuduh mengganggu, terdapat beberapa langkah perlindungan atau tindakan yang sewajarnya yang boleh diambil, di antaranya:

- 6.3.1 Jika terbukti aduan adalah benar, mangsa boleh mengemukakan rayuan untuk dipertimbangkan semula terhadap segala faedah yang kemungkinan telah dinafikan. Contohnya: penilaian gred kursus, latihan ilmiah, tesis, disertasi, penilaian prestasi, kenaikan pangkat dan sebagainya.
- 6.3.2 Jika mangsa dibuktikan mengalami kerugian kewangan atau terpaksa berhenti kerja akibat daripada gangguan seksual keterlaluan yang diterimanya, maka mangsa boleh mengambil tindakan untuk merujuk kes beliau kepada pihak-pihak yang berkenaan, misalnya Jabatan Hubungan Industri untuk mendapatkan pampasan akibat daripada penafian sebarang faedah yang berhak diterimanya. Jika penyelesaian tidak dapat dicapai, mangsa boleh menuntut haknya melalui proses undang-undang.

- 6.3.3 Bagi aduan yang didapati tidak terbukti dan tidak beres, ganti rugi atau pampasan yang bersesuaian seharusnya juga diberikan kepada PYDM, sekiranya dia telah mengalami kerugian dari segi kewangan, imej dan sebagainya.

7. PROGRAM MENINGKATKAN KESEDARAN DAN PENDIDIKAN

Tidak dapat dinafikan bahawa satu elemen penting dalam usaha untuk mencegah kejadian gangguan seksual daripada berlaku adalah melalui penganjuran program meningkatkan kesedaran dan pendidikan mengenai gangguan seksual. Bagi maksud ini, UM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Gangguan Seksual UM (JKKGSUM) yang bertanggungjawab untuk membentuk, mengembang dan melaksanakan program meningkatkan kesedaran dan pendidikan gangguan seksual yang menyeluruh untuk seluruh warga universiti. Antara peranan JKKGSUM termasuklah:

- Membentuk program untuk pelajar dan staf baru serta mengembangkannya dengan program susulan, contohnya semasa minggu orientasi.
- Melatih pelajar dan staf tertentu dalam struktur rasmi pentadbiran universiti serta dari persatuan pelajar dan kesatuan pekerja dengan kemahiran kaunseling untuk rakan yang menjadi mangsa gangguan seksual.
- Memberi kefahaman kepada staf kolej kediaman dan fasilitator orientasi tentang hal-hal berkaitan masalah gangguan seksual.
- Menjalankan atau bekerjasama dengan persatuan pelajar dan kesatuan pekerja untuk menjalankan ceramah/seminar/bengkel dan sebagainya mengenai masalah gangguan seksual.
- Merancang dan melaksanakan hebah tentang wujudnya Kod Amalan, BAGS, JKKGSUM dan hal-hal lain yang berkaitan dengan gangguan seksual. Contohnya melalui edaran poster, flyers, booklet, laman web UM dan sebagainya.
- Bekerjasama untuk menganjurkan bengkel, seminar, syarahan dll yang berkenaan dengan gangguan seksual bersama dengan Program Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, dan memberi timbalbalas mengenai kurikulum dan kursus, dan bekerjasama untuk mendapatkan data mengenai gangguan seksual.
- Memberikan khidmat nasihat asas dan rujukan berkaitan masalah gangguan seksual.

8. SUMBER-SUMBER MAKLUMAT DAN BANTUAN

Warga UM boleh mendapatkan maklumat dan bantuan mengenai masalah gangguan seksual daripada sumber-sumber yang berikut:

8.1 Sumber Dalam:

BIL	SUMBER DALAMAN	NO. TELEFON
1	Biro Aduan Gangguan Seksual (BAGS) Jawatankuasa Khas Gangguan Seksual UM (JKKGSUM)	79673598
2	Seksyen Kaunseling dan Bimbingan	79673322
3	Bah. Hal Ehwal Pelajar & Alumni	79673290
4	Bah. Sumber Manusia	79673371
5	Bahagian Pembangunan Organisasi & Pentadbiran (B'OP)	79673254
6	Pejabat Keselamatan	79673582
7	Majlis Perwakilan Pelajar UM (MPMUM)	79673412
8	Persatuan Wanita UM (UWA)	79673031
9	Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM)	79677077
10	Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaya (KKAUM)	79563912
11	Kesatuan Hospital Universiti Malaya (KHLM)	79495778
12	Hospital Universiti	79494422
13	Klinik Kesihatan Pelajar	79673212

BIL.	AKADEMI/FAKULTI/INSTITUT/KOLEJ	NO. TELEFON
1	Akademi Pengajian Islam	79676000
2	Akademi Pengajian Melayu	79677200
3	Fakulti Alam Bina	79675395
4	Fakulti Bahasa & Linguistik	79673177
5	Fakulti Ekonomi & Pentadbiran	79673600
6	Fakulti Kejuruteraan	79675200
7	Fakulti Pendidikan	79675000
8	Fakulti Pergigian	79674800
9	Fakulti Perniagaan & Perakaunan	79673800
10	Fakulti Perubatan	79492050
11	Fakulti Sains	79674200
12	Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	79676300
13	Fakulti Sastera & Sains Sosial	79675500
14	Fakulti Undang-Undang	79676511
15	Institut Pengajian Siswazah	79674600
16	Pusat Asasi Sains	79675800
17	Pusat Kebudayaan	79673454

18	Pusat Sukan	79673210
19	Kolej Kediaman Pertama	79673415
20	Kolej Kediaman Kedua	79673416
21	Kolej Kediaman Ketiga	79673417
22	Kolej Kediaman Keempat	79673418
23	Kolej Kediaman Kelima	79673419
24	Kolej Kediaman Keenam	79674977
25	Kolej Kediaman Ketujuh	79673420
26	Kolej Kediaman Kelapan	79673216
27	Kolej Kediaman Kesembilan	79573336
28	Kolej Kediaman Kesepuluh	79673385
29	Kolej Kediaman Kesebelas	79674629
30	Kolej Kediaman Keduabelas	79577367
31	Kolej Kediaman Seksyen 17	79676908

8.2 Sumber-sumber di luar Universiti Malaya adalah seperti berikut:

- Balai Polis Pantai
- *All Women's Action Society (AWAM)*, e-mel: awam@awam.org.my
- Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), e-mel: wao@po.jaring.my
- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Pembangunan Keluarga dan Wanita

9. GLOSARI

1. UM – Universiti Malaya
2. PTJ – Pusat Tanggungjawab
3. Ketua PTJ – Ketua Pusat Tanggungjawab, termasuk Ketua Akademik dan Bukan Akademik, seperti Dekan, Pengarah, Ketua Jabatan
4. Staf – Kakitangan UM, termasuk staf Akademik dan Bukan Akademik
5. Pekerja – Pekerja Kontrak/Buruh
6. OSHA – Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja
7. Pekeliling – Pekeliling dari Jabatan Perkhidmatan Awam
8. PYDM – Pihak yang Disyaki Mengganggu
9. BACS – Biro Aduan Gangguan Seksual UM
10. JKKGSUM – Jawatankuasa Khas Gangguan Seksual UM

SULIT
LAMPIRAN B

BORANG ADUAN RASMI
GANGGUAN SEKSUAL

Kepada : Biro Aduan Gangguan Seksual

Butir-Butir Pengadu:

1. Nama: _____
 2. No.K/P: _____ 3. No.Matrik/Staf: _____
 4. Jantina: _____ 5. Status Perkahwinan: _____
 6. Tarikh Lahir: _____ Umur: _____
 7. Jawatan dan Gred/Tahap: _____
 8. Jabatan/Fakulti: _____
 9. No.Tel: _____

Butir-Butir Pegganggu:

1. Nama: _____
 2. No. K/P: _____ 3. No. Matrik Staf: _____
 4. Jantina: _____ 5. Status Perkahwinan: _____
 6. Tarikh Lahir: _____ Umur: _____
 7. Jawatan dan Gred/Tahap: _____
 8. Jabatan/Fakulti: _____
 9. No.Tel: _____

Butir-Butir Saksi (Jika Ada)

	Saksi 1	Saksi 2	Saksi 3
Nama & No Matrik Staf/Pelajar :	_____	_____	_____
Jawatan/Gred /Tahap:	_____	_____	_____
No. Telefon /E-mail:	_____	_____	_____

SULIT
Sambungan

Butir-Butir Gangguan Seksual:

1. Tarikh: _____
2. Tempat: _____
3. Masa: _____
4. Butir-butir kejadian*: _____

*Sila lampirkan bukti kejadian (jika ada). Contohnya surat/email/sms/gambar. Sila gunakan lampiran jika ruang tidak mencukupi.

Perakuan Pengadu:

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat dan butiran yang dinyatakan di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya.

Saya meminta tindakan lanjut diambil

Laporan ini adalah untuk rekod sahaja

Tarikh Aduan: _____

Tandatangan Pengadu

Tindakan Biro: _____

Tarikh Terima Aduan: _____

Nama & Tandatangan Penerima: _____

SULIT
LAMPIRAN C1

PERSETUJUAN PENYELESAIAN

Persetujuan telah dicapai di antara(nama)
(no. K/P).....(jawatan).....dari
.....(majikan) (selepas ini disebut Pihak Pertama)
dan(nama)
(no. K/P).....(jawatan) dari
.....(majikan) (selepas ini disebut Pihak Kedua).

Dengan ini adalah dipersetujui bahawa:-

- (i) Pihak Pertama memohon maaf di atas gangguan seksual yang telah dilakukannya terhadap Pihak Kedua.
- (ii) Pihak Kedua bersetuju memaafkan perbuatan gangguan seksual yang dilakukan oleh Pihak Pertama.
- (iii) Pihak Pertama berjanji tidak akan melakukan lagi sebarang bentuk gangguan seksual terhadap Pihak Kedua pada masa hadapan.
- (iv) Kedua-dua pihak bersetuju untuk tidak memanjangkan isu ini kepada pihak lain. Dengan yang demikian, isu ini dianggap telah selesai.

.....
(Pihak Pertama, PYDM)

.....
(Pihak Kedua, Pengadu)

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

No. Matrik/Staf :

No.Matrik/Staf :

Tarikh :

Tarikh :

Disaksikan Oleh:

(Wakil Biro)

Nama :

Jawatan:.....

Tarikh :

SULIT
LAMPIRAN C2

PERSETUJUAN PENYELESAIAN

Persetujuan telah dicapai di antara(nama)
.....(no. K/P).....(jawatan)
dari(majikan) (selepas ini disebut
Pihak Pertama) dan(nama)
(no.K/P).....(jawatan) dari.....(majikan)
(selepas ini disebut Pihak Kedua).

Dengan ini adalah dipersetujui bahawa:-

- (i) Pihak Pertama memohon maaf di atas gangguan seksual yang telah diadukan terhadap Pihak Kedua.
- (ii) Pihak Kedua bersetuju memaafkan perbuatan gangguan seksual yang diadukan oleh Pihak Pertama.
- (iii) Kedua-dua pihak bersetuju untuk tidak memanjangkan isu ini kepada pihak lain. Dengan yang demikian, isu ini dianggap telah selesai.

.....
(Pihak Pertama, Pengadu)

.....
(Pihak Kedua, PYDM)

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

No. Matrik/Staf :

No.Matrik/Staf :

Tarikh :

Tarikh :

Disaksikan oleh:

(Wakil Biro)

Nama :

Jawatan :

Tarikh :



**UNIVERSITY
OF MALAYA**

KUALA LUMPUR

Producing Leaders Since 1905

**CODE OF PRACTICE
ON THE PREVENTION
AND HANDLING OF
SEXUAL HARRASSMENT CASES
IN THE UNIVERSITY OF MALAYA**

The University of Malaya Sexual Complaint Bureau
Telephone Number: 03-79673598
Email: bags@um.edu.my

University of Malaya
2008

CONTENTS

Published First 2007
Second Printing 2008

1. Code of Practice on the Prevention and Handling of Sexual Harassment Cases in the University of Malaya	34
2. University of Malaya Policy on Sexual Harassment	34
2.1. Rationale	34
2.2. Policy Statement	36
3. Scope of the Code of Practice	36
3.1. Target Groups	36
3.2. Relationship Between Staff and Student	36
3.3. Relationship Between Supervisor and Subordinate	37
3.4. Relationship Between Peers/Group Members	38
3.5. Relationship Between University Community Members with External Parties	38
4. Understanding Sexual Harassment	38
4.1. Defining Sexual Harassment	38
4.2. Categories of Sexual Harassment	39
4.3. Forms of Sexual Harassment	40
4.4. Sexual Assault	42
5. University of Malaya Sexual Harassment Complaint Bureau	42
6. Complaint Resolution Procedure	43
6.1. Complaint Procedure	43
6.2. Disciplinary Action	45
6.3. Protection Measures	45
7. Programme to Increase Awareness and Education	46
8. Sources of Information and Assistance	47
9. Glossary	48
10. Reference	49
Attachments	
A Flowchart for the Handling of Sexual Harassment in the UM	
B Sexual Harassment Complaint Form	
C1 Resolution Agreement	
C2 Resolution Agreement	

ACKNOWLEDGEMENTS

This text on the Code of Practice was written for the first time by the Academic Staff Association of University Malaya (PKAUM) Committee of Handling Sexual Harassment which comprised:

Associate Professor Dr. Junedah Sanusi
Ms Lai Suat Yan
Associate Professor Dr. Durriyyah Sharifah Hassan Adli
Mdm Noor Bathi Badarudin

It has been refined and edited by the Special Committee of Sexual Harassment of University of Malaya with several invited members:

Associate Professor Dr. Junedah Sanusi (Chairman)
Associate Professor Dr. Rohani Mohd Yusof
Associate Professor Rosli Mahat
Dr. Dang Siew Ing
Mr Johan Samsuddin Sabaruddin
Mdm Halimaton Attan
Mdm Khalidah Adibah Hassan
Mr Mat Ali Omar
Mdm Nor Aishah Samah
Mdm Hazlina Kasmin
Mdm Rafiza Hashim
Mdm Zarina Zainol Abidin
Ms Sri Sharinnje Rizal
Ms Maimuna Hamid Merican
Mdm Salwati Mohd Aris

